

**IMPLIKASI DAN CABARAN USAHAWAN  
KIOSK 1 BORNEO HYPERMALL  
SEMASA PANDEMIK COVID-19**



**CHENTIA BINTI SUBI**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**IMPLIKASI DAN CABARAN USAHAWAN KIOSK  
1 BORNEO HYPERMALL SEMASA  
PANDEMIK COVID-19**

**CHENTIA BINTI SUBI**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL  
DENGAN KEPUJIAN  
(GEOGRAFI)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**


**2020**

## PENGESAHAN

NAMA : **CHENTIA BINTI SUBI**  
NO MATRIK : **BA19110948**  
TAJUK : **IMPLIKASI DAN CABARAN USAHAWAN KIOSK 1  
BORNEO HYPERMALL SEMASA PANDEMIK COVID-19**  
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN (GEOGRAFI)**

DISAHKAN OLEH;



Tandatangan  
  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa latihan ilmiah yang bertajuk Implikasi dan Cabaran Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19 adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

**12 Ogos 2020**

---

**CHENTIA BINTI SUBI**

**BA19110948**



**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan izin dan berkat-Nya, saya dapat menyiapkan latihan ilmiah dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Dalam kesempatan ini saya ini mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Lindah Rozaini Binti Jamru dan Allahyarham Professor Madya Dr. Jabil Mapjabil yang banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan, dorongan, bimbingan dan kata-kata nasihat sepanjang tempoh pelaksanaan latihan ilmiah ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pensyarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang begitu komited, sabar, bersemangat dan berusaha sedaya upaya untuk memberikan ilmu sepanjang tiga tahun saya berada di UMS. Sesungguhnya segala ilmu yang dicurahkan dan tunjuk ajar membolehkan saya menjadi seorang yang lebih berguna.

Setulus penghargaan dan terima kasih kepada ibu saya Dehimbok Binti Suanti dan bapa saya Subi Bin Lawajah yang sentiasa memberikan semangat dan kasih sayang kepada saya sehingga saya dapat menghabiskan ijazah selama tiga tahun ini. Tidak dilupakan juga semua adik-beradik khususnya abang saya Roney yang banyak membantu dan sentiasa memberikan keperluan yang terbaik untuk saya. Sesungguhnya keluarga adalah semangat dan motivasi diri saya untuk meneruskan perjuangan sehingga ke akhirnya demi mendapatkan sekalung ijazah.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua sahabat yang mengenali saya selama ini yang sentiasa bersama-sama berjuang dikala susah atau senang dan gembira mahupun bersedih. Semoga kita semua berjaya mencapai cita-cita yang diimpikan. Sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang kajian ini dijalankan.

Chentia Binti Subi

4 Ogos 2020

## ABSTRAK

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia terlibat dalam pelbagai industri yang mewakili sebahagian besar daripada jumlah perniagaan dalam pelbagai sektor dan merupakan salah satu penyumbang utama dalam keluaran dalam negeri kasar (KDNK). PKS adalah sebagai salah satu agen dalam membantu meningkatkan pembangunan ekonomi negara. PKS bukan sahaja menjadi tulang belakang terhadap pembangunan ekonomi negara namun ia juga merupakan salah satu tempat untuk mengasah dan mencari bakat keusahawanan yang terdapat dalam setiap diri individu. Namun, pandemik COVID-19 telah diisytiharkan oleh kerajaan berikutan penularannya yang semakin meningkat setiap hari. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sektor perniagaan kecil adalah salah satu sektor yang paling terkesan daripada perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan. Situasi pandemik COVID-19 menyebabkan terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh peniaga kiosk dan ramai yang terpaksa menghentikan perniagaan. Oleh itu, kajian ini mengkaji implikasi dan cabaran usahawan kiosk di 1 Borneo Hypermall semasa pandemik. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif dan pemerhatian untuk mengukuhkan dapatan kajian. Borang soal selidik diedarkan kepada 50 orang pengusaha kiosk di kawasan kajian. Hasil kajian mendapati pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada pengusaha kiosk dengan kurangnya pelanggan semasa PKP dilaksanakan, pendapatan jualan menurun dengan majoritinya RM3000 ke bawah sebulan, dan kutipan jualan harian tidak dapat menampung modal yang diperlukan. Manakala, cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 ialah wujud persaingan pemasaran di antara pengusaha lain, pengusaha kurang tahu cara mempromosikan jualan di media sosial, dan waktu perniagaan yang ditetapkan oleh kerajaan adalah terhad. Terdapat langkah dan strategi yang dilakukan oleh usahawan kiosk untuk terus bertahan semasa pandemik COVID-19 iaitu pengusaha perlu berniaga secara dalam talian dengan membuat pengiklanan produk yang dijual dan pengusaha perlu mempelajari strategi pemasaran untuk meningkatkan jualan dengan langkah awal iaitu menawarkan perkhidmatan penghantaran segera (COD) kepada pelanggan. Justeru, pelbagai inisiatif yang lebih berkesan dan komprehensif perlu dilakukan oleh semua pihak terlibat yang bertanggungjawab dalam menangani situasi ini.

## **ABSTRACT**

### **IMPLICATIONS AND CHALLENGES OF 1 BORNEO HYPERMALL KIOSK ENTREPRENEURS DURING THE PANDEMIC COVID-19**

*Small and Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia are involved in various industries that represent a large proportion of total businesses in various sectors and are one of the main contributors to the gross domestic product (GDP). SMEs are one of the agents in helping to improve the country's economic development. SMEs are not only the backbone of the country's economic development but it is also one of the places to hone and find the entrepreneurial talent found in every individual. However, the COVID-19 pandemic has been declared by the government due to its increasing contagion every day. This indirectly has a negative impact on Malaysia's economic growth. The small business sector is one of the sectors most affected by the movement control order (MCO). The situation of the COVID-19 pandemic causes many problems to kiosk traders and many were forced to stop business. Therefore, this study examines the implications and challenges of kiosk entrepreneurs at 1 Borneo Hypermall during the pandemic. This research uses quantitative and observational methods to strengthen the findings of the study. Questionnaires were distributed to 50 kiosk operators in the study area. The results of the study found that the COVID-19 pandemic has an impact on kiosk operators with a lack of customers during the MCO, sales income decreased with the majority below RM3,000 per month, and daily sales income could not cover the required capital. Meanwhile, the challenge faced during the COVID-19 pandemic is that there is marketing competition between other entrepreneurs, entrepreneurs do not know how to promote sales on social media, and the business hours set by the government are limited. There are steps and strategies taken by kiosk entrepreneurs to continue to survive during the COVID-19 pandemic which is entrepreneurs need to do business online by advertising the products they sell and entrepreneurs need to learn marketing strategies to increase sales by offering immediate delivery (COD) services to their customer. Therefore, there are various effective and comprehensive initiatives need to be taken by all parties involved who are responsible with this situation together.*

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>	
1.1      Pengenalan	1
1.2      Latar Belakang Kajian	2
1.3      Permasalahan Kajian	5
1.4      Persoalan Kajian	6
1.5      Matlamat dan Objektif Kajian	6
1.6      Skop Kajian	7
1.6.1 Isu Kajian	7
1.6.2 Responden Kajian	8
1.6.3 Tempoh Masa Kajian	8
1.7      Konsep Utama Kajian	8
1.7.1 Keusahawanan	8
1.7.2 Usahawan	9
1.7.3 Perusahaan Kecil dan Sederhana	10
1.7.4 Pandemik COVID-19	11
1.8      Definisi Operasional Kajian	11
1.8.1 Inovasi	11
1.8.2 Ciri-ciri Keusahawanan	12



	1.8.3 Kemahiran Menyelesaikan Masalah	12
	1.8.4 Pemikiran Strategik	13
	1.8.5 Kemahiran dan Kejayaan	13
1.9	Kepentingan Kajian	14
1.10	Kesimpulan	15
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Usahawan Mikro	16
2.3	Implikasi dan Cabaran Pandemik COVID-19 Terhadap Usahawan	17
2.4	Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Ekonomi	20
	2.4.1 Perkembangan Ekonomi di Peringkat Antarabangsa	20
	2.4.2 Perkembangan Ekonomi di Peringkat Malaysia	21
2.5	Faktor Kejayaan atau Kegagalan Pengusaha IKS	22
	2.5.1 Faktor Pengusaha	22
	2.5.2 Faktor Bantuan dan Sokongan Kerajaan	22
	2.5.3 Faktor Luaran	23
2.6	Latar Belakang Teori dan Model	23
	2.6.1 Teori Schumpeter	24
	2.6.2 Teori Model Baka dan Keperluan	25
	2.6.3 Teori McClelland	25
	2.6.4 Teori Kohlberg	26
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	27
2.8	Kesimpulan	28
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	30
3.2	Lokasi dan Kawasan Kajian	30
	3.2.1 Lokasi Kajian	30
	3.2.2 Kawasan Kajian	32
3.3	Reka Bentuk Kajian	34
3.4	Kaedah Penyelidikan	36

	3.4.1 Kaedah Kuantitatif	36
3.5	Instrumen Kajian	37
	3.5.1 Borang Soal Selidik	38
3.6	Kajian Rintis	39
3.7	Ujian Kebolehpercayaan	40
3.8	Populasi dan Persampelan	40
	3.8.1 Populasi Kajian	40
	3.8.2 Sampel Kajian	41
	3.8.3 Saiz Sampel	42
3.9	Teknik Pengumpulan Data	42
	3.9.1 Data Primer	42
	3.9.2 Data Sekunder	43
	3.9.3 Kaedah Pemerhatian	43
	3.9.4 Borang Soal Selidik	44
	3.9.5 Sumber Internet	44
	3.9.6 Sumber Lain	44
3.10	Teknik Analisis dan Persembahan Data	45
	3.10.1 Teknik Analisis Data	45
	3.10.2 Teknik Persembahan Data	45
3.11	Carta Alir Metodologi Kajian	45
3.12	Kesimpulan	46
<b>BAB 4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	48
4.2	Profil Demografi Responden	48
	4.2.1 Jantina Responden	48
	4.2.2 Umur Responden	49
	4.2.3 Bangsa Responden	50
	4.2.4 Taraf Pendidikan Responden	51
	4.2.5 Tempoh Perniagaan Responden	52
	4.2.6 Jenis Perniagaan Responden	53
	4.2.7 Pendapatan Bulanan Responden	54
4.3	Implikasi Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19	55

4.4	Cabaran Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19	63
4.5	Langkah dan Strategi yang dilakukan oleh Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19	70
	4.5.1 Pengusaha Perlu Berniaga Secara Dalam Talian	70
	4.5.2 Pengusaha Perlu Membuat Permohonan Bantuan Kerajaan Untuk Menyokong Kewangan	70
	4.5.3 Pengusaha Membuat Promosi Harga Terhadap Jualan Dengan Menurunkan Harga Barangan	71
	4.5.4 Pengusaha Perlu Mempelajari Strategi Pemasaran Untuk Meningkatkan Jualan	72
	4.5.5 Pengusaha Membuat Pengiklanan Melalui Media Sosial	73
	4.5.6 Menawarkan Perkhidmatan Penghantaran Segera (COD) Semasa Pandemik COVID-19	74
	4.5.7 Memperbaiki Pengungkusan Produk Agar Lebih Menarik	75
4.6	Kesimpulan	80
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN DAN PENUTUP</b>	
5.1	Pengenalan	81
5.2	Penemuan Kajian	81
	5.2.1 Pencapaian Objektif Pertama	81
	5.2.1 Pencapaian Objektif Kedua	82
	5.2.3 Pencapaian Objektif Ketiga	83
5.3	Implikasi Dasar dan Cadangan	84
	5.3.1 Cadangan Kepada Pengusaha	84
	5.3.2 Cadangan Kepada Penyelidik Akan Datang	85
	5.3.3 Cadangan Kepada Pembuat Polisi	85
5.4	Sumbangan Kajian	86
	5.4.1 Usahawan	86
	5.4.2 Pihak Kerajaan dan Swasta	87

	5.4.3 Penyelidik Kajian	87
	5.4.4 Bidang Akademik	87
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	87
	5.5.1 Membuat Persediaan dan Perancangan Awal	88
	5.5.2 Analisis Kajian	88
	5.5.3 Melakukan Tinjauan Kawasan Kajian	88
	5.5.4 Mengaplikasikan Perisian <i>Geography Information System (GIS)</i>	88
5.6	Penutup	89



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 4.1: Tafsiran Skor Min	56
Jadual 4.2: Implikasi Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19	58
Jadual 4.3: Tafsiran Skor Min Implikasi Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19	62
Jadual 4.4: Cabaran Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19	65
Jadual 4.5: Tafsiran Skor Min Cabaran Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19	69
Jadual 4.6: Tafsiran Skor Min Langkah dan Strategi Yang Dilakukan Oleh Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik COVID-19	79



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Kerangka Konseptual Kajian	28
Rajah 3.1: Peta Kota Kinabalu	31
Rajah 3.2: Peta 1 Borneo Hypermall	31
Rajah 3.3: Pelan Lantai Aras Terbawah ( <i>Lower Ground</i> ) 1 Borneo Hypermall	32
Rajah 3.4: Pelan Lantai Aras Bawah ( <i>Ground Floor</i> ) 1 Borneo Hypermall	33
Rajah 3.5: Pelan Lantai Aras Tingkat 1 ( <i>First Floor</i> ) 1 Borneo Hypermall	33
Rajah 3.6: Pelan Lantai Aras Tingkat 2 ( <i>Second Floor</i> ) 1 Borneo Hypermall	34
Rajah 3.7: Reka Bentuk Kajian	36
Rajah 3.8: Carta Alir Metodologi Kajian	46
Rajah 4.1: Jantina Responden	49
Rajah 4.2: Umur Responden	50
Rajah 4.3: Bangsa Responden	51
Rajah 4.4: Taraf Pendidikan Responden	52
Rajah 4.5: Tempoh Perniagaan Responden	53
Rajah 4.6: Jenis Perniagaan Responden	54
Rajah 4.7: Pendapatan Bulanan Responden	55
Rajah 4.8: Pengusaha Perlu Berniaga Secara Dalam Talian	70
Rajah 4.9: Pengusaha Perlu Membuat Permohonan Bantuan Kerajaan Untuk Menyokong Kewangan	71
Rajah 4.10: Pengusaha Membuat Promosi Harga Terdapat Jualan Dengan Menurunkan Harga Barangan	72
Rajah 4.11: Pengusaha Perlu Mempelajari Strategi Pemasaran Untuk Meningkatkan Jualan	73
Rajah 4.12: Pengusaha Membuat Pengiklanan Melalui Media Sosial	74
Rajah 4.13: Menawarkan Perkhidmatan Penghantaran Segera (COD) Semasa Pandemik COVID-19	75



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>BNM</b>	-	Bank Negara Malaysia
<b>CBRM</b>	-	<i>Covid Bussiness Recovery Financing Scheme</i>
<b>COD</b>	-	<i>Cash On Delivery</i>
<b>DOSM</b>	-	<i>Department of Statistics Malaysia</i>
<b>DPGS</b>	-	<i>Danajamin PRIHATIN Guarantee Scheme</i>
<b>EPRC</b>	-	<i>Economic Policy Research Centre</i>
<b>FMM</b>	-	<i>Federation of Malaysian Manufacturers</i>
<b>IKS</b>	-	Industri Kecil dan Sederhana
<b>JPK</b>	-	Jabatan Pembangunan Koperasi
<b>KDNK</b>	-	Keluaran Dalam Negeri Kasar
<b>MARA</b>	-	Majlis Amanah Rakyat
<b>MRA</b>	-	<i>Malaysian Relief Agency</i>
<b>MIDA</b>	-	<i>Malaysian Investment Development Authority</i>
<b>MKM</b>	-	Maktab Kerjasama Malaysia
<b>PDRM</b>	-	Polis Diraja Malaysia
<b>PBT</b>	-	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PKS</b>	-	Perusahaan Kecil dan Sederhana
<b>PPKM</b>	-	Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia
<b>PKP</b>	-	Perintah Kawalan Pergerakan
<b>PPN</b>	-	Pelan Pemulihan Negara
<b>PNS</b>	-	Perbadanan Nasional Berhad
<b>PERMAI</b>	-	Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia
<b>SME Corp</b>	-	<i>Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia</i>
<b>SME bank</b>	-	<i>Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad</i>
<b>SEDCs</b>	-	<i>State Economic Development Corporation</i>
<b>SRF</b>	-	<i>Special Relief Facility</i>
<b>SPSS</b>	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
<b>SOP</b>	-	<i>Standard Operating Procedure</i>
<b>SMIDEC</b>	-	<i>Small and Medium Industries Development Corporation</i>
<b>TEKUN</b>	-	Tabung Ekonomi Usaha Niaga
<b>UMS</b>	-	Universiti Malaysia Sabah



- UiTM** - Universiti Teknologi MARA
- UDA Holdings Bhd** - *Urban Development Authority of Malaysia Holdings Berhad*
- UNDP** - *United Nations Development Program*



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Borang Soal Selidik	103
Lampiran B: Surat Permohonan Untuk Mendapatkan data	106



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Menurut Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (2021), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memainkan peranan yang sangat penting kepada negara. Hasil daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), PKS menyumbang sebanyak 32%, 59% daripada guna tenaga dan 19% daripada eksport negara. Menurut bancian ekonomi 2011, PKS di Malaysia mewakili 97.3% atau 645,136 pertubuhan daripada 662,939 daripada jumlah pertubuhan keseluruhan di negara ini. Menurut Mueller et al., (2013) kepentingan yang dimainkan oleh PKS dalam pembangunan ekonomi, inovasi dalam PKS dibincangkan secara meluas dalam penyelidikan yang terdahulu. Menurut Prajogo & McDermott, (2013) walaupun PKS mempunyai kekangan sumber untuk melakukan inovasi namun dengan saiz PKS yang kecil dan mempunyai struktur yang dapat bertindak balas dengan lebih cepat untuk memudahkan aktiviti inovasi dalam PKS.

Menurut Fareez (2020), perniagaan kecil di Malaysia merupakan salah satu sektor yang terjejas akibat daripada PKP yang dilaksanakan untuk membendung penularan COVID-19. Ini secara langsung mewujudkan masalah terhadap ekonomi di seluruh negara (Cheng, 2020; UNDP, 2020). Dalam membendung isu ini, pakar ekonomi dunia mengeluarkan amaran berkenaan dengan keadaan ekonomi dan kewangan antarabangsa yang dilihat berlakunya penurunan. Hal ini demikian kerana negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Malaysia, Thailand, Filipina dan Singapura kebanyakannya telah melaksanakan perintah darurat dan melaksanakan kuarantin untuk mencegah penularan COVID-19 (Noor Fzlinda et al., 2020). Menurut Firdaus (2020), situasi ini telah memberi impak kepada psikologi yang mengakibatkan berlakunya tekanan, kemurungan dan kegelisahan. Aktiviti ekonomi turut terkesan yang menyebabkan ekonomi telah ditutup dimana segala aktiviti perniagaan tidak boleh dijalankan, tidak ada perhubungan di antara pelanggan dan penjual, penghantaran produk terganggu dan jarak sosial diutamakan (Firdaus, 2020). Ramai

orang kehilangan pekerjaan kerana majikan mengurangkan tenaga pekerja di semua sektor ekonomi (Karabarg, 2020).

Menurut Mymetro (2020), Persatuan Peruncit Malaysia (MRA) menyatakan akibat daripada penularan COVID-19, industri runcit tempatan terjejas dengan teruk dimana jualan jatuh kepada 60 peratus pada Februari 2020. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengakibatkan jualan akan terus menyusut sehingga mencapai 90 peratus pada Mac 2020 berikutan langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membendung penularan virus tersebut. Susulan tindakan daripada kerajaan di seluruh dunia menimbulkan masalah aliran tunai. Sekiranya tidak ditangani dengan segera akan memberi tekanan teruk kepada pendapatan, nilai aset dan penguncupan berterusan terhadap ekonomi. Persatuan Peruncit Malaysia (MRA) juga menyatakan beberapa peruncit dan kedai berkemungkinan akan menutup premis selepas 14 April 2020 kerana faktor tiada pendapatan sepanjang tempoh PKP dan kekurangan sumber yang terpaksa menanggung perbelanjaan yang perlu dilunaskan seperti untuk pembayaran sewa, pembayaran gaji, dan caruman statutori. Oleh itu, untuk membantu dalam menyokong perniagaan dan pekerja kerajaan hendaklah memberikan bantuan secara kewangan. Pemilik pusat membeli-belah perlu mempertimbangkan dengan memberikan sewa percuma semasa PKP dan beberapa rebat sewa selepas itu supaya pemulihan pantas kerana struktur ekonomi seperti kecairan, perniagaan pekerjaan kekal utuh (MyMetro, 2020).

Lantaran daripada itu kajian ini cuba melihat implikasi usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19, meneliti cabaran usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19, dan mencadangkan langkah dan strategi yang dilakukan oleh usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Menurut Ali Salman & Nelson (2006), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia terlibat dalam pelbagai industri yang mewakili sebahagian besar daripada jumlah perniagaan dalam pelbagai sektor dan merupakan salah satu penyumbang utama dalam keluaran dalam negeri kasar (KDNK). PKS merupakan salah satu agen dalam membantu meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Hal ini demikian

kerana PKS dapat memberi peluang pekerjaan, meningkatkan pengeluaran negara, menjana eksport, penyatuan antara perusahaan dan membantu dalam proses pengeluaran daripada industri yang berskala sederhana dan skala besar (Loganathan et al., 2004). Menurut Yusof & Zakaria (2004), PKS bukan sahaja menjadi tulang belakang terhadap pembangunan ekonomi negara namun ia juga merupakan salah satu tempat untuk mengasah dan mencari bakat keusahawanan yang terdapat dalam setiap diri individu. Oleh itu, tanpa sumbangan dan sokongan yang besar daripada PKS, kadar pertumbuhan yang pesat iaitu pada purata 8.4% setahun dalam tempoh masa tahun 1989-1994 tidak akan tercapai (Moha Asri, 1998).

Negara Asia seperti Jepun dan Republik China merupakan negara yang maju dimana PKS menyumbang kepada KDNK melebihi 55% berbanding di negara Malaysia yang mana PKS hanya menyumbang sebanyak 32%. Menurut Laporan Tahunan PKS (2007), terdapat beberapa inisiatif daripada kerajaan dengan memberikan keutamaan terhadap pembangunan PKS agar kemampuan PKS dapat dicapai. Dalam pada itu, ramai penyelidik berminat dengan melakukan kajian berkenaan dengan prestasi PKS kerana perkembangan PKS semakin pesat di seluruh negara. Berdasarkan kajian terdahulu sebelum ini faktor yang mempengaruhi kejayaan PKS ialah mempunyai ciri-ciri pengurus atau pemilik, tempoh perniagaan, saiz perniagaan berdasarkan bilangan pekerja, jenis keusahawanan, ataupun jenis pengurusan pengurus atau pemilik, lokasi dan perbezaan sektor industri (Nor Hasni, 2005). Manakala menurut Rosli et al., (2007) dalam kajiannya pula mendapati faktor ciri-ciri pemilik atau pengurus, jenis perusahaan, tahap pendidikan, amalan pengurusan, dasar kerajaan, pengalaman, usia, dan saiz adalah menunjukkan kejayaan perusahaan kecil.

Namun, kebanyakan perniagaan gagal kerana amalan pengurusan kaedah yang lemah (Mohd Tarmizi & Muhd Rashid, 2009). Keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan pelanggan, pembekal dan persekutuan kewangan perniagaan adalah salah satu faktor yang ditonjolkan dalam pengurusan perniagaan yang cemerlang. Peniaga yang enggan untuk berubah akan menghadapi kesukaran dalam operasi perniagaan mereka. Keupayaan seseorang untuk menjadi seorang usahawan juga dipengaruhi oleh aspek psikologi, sosiologi, dan latar belakang. Salah satu faktor keusahawanan yang berinteraksi dengan dimensi lain untuk memberi impak kepada

pembentukan usahawan yang berjaya ialah keupayaan individu untuk menjadi seorang usahawan.

Menurut Finley (1990), semakin banyak ciri-ciri keusahawanan yang ada pada seorang usahawan, semakin tinggi kebarangkalian seseorang untuk menjadi usahawan yang berjaya. Usahawan yang bermotivasi untuk berjaya, bijak mengambil peluang, sentiasa bersedia untuk belajar daripada kegagalan, bersedia mengambil risiko, berani menghadapi cabaran, kreatif dan fleksibel adalah merupakan ciri-ciri usahawan yang berjaya (Zimmerer & Scarborough, 1996).

Kemahiran seperti dalam pengurusan, pemasaran, dan kewangan adalah diperlukan dalam diri seorang usahawan kerana faktor-faktor kemahiran yang ada tersebut dapat mempengaruhi kejayaan (Zaidatol, 2007). Menurut Zaidatol (2007); Humam (1992); Norasmah & Halimah (2007), usahawan yang kekurangan kemahiran dalam segi kewangan, pengurusan dan pengetahuan dalam menyediakan perancangan dalam perniagaan akan gagal dalam perniagaan. Kegagalan perniagaan adalah kerana kemahiran yang kurang dalam pengurusan iaitu lemah dalam pemasaran, meletakkan harga yang tidak sesuai, lemah dalam perancangan, lemah membuat keputusan, kewangan yang tidak betul, kurangnya komunikasi dan kurangnya kemahiran dalam mentadbir. Faktor luaran dan faktor dalaman merupakan antara faktor kejayaan. Menurut Romzie (2009), faktor luaran adalah terdiri daripada bantuan kerajaan, latihan dan kemahiran, lokasi, bilangan pekerja dan saiz perniagaan. Manakala dalam faktor dalaman adalah dipengaruhi oleh sifat yang ada dalam diri seorang usahawan iaitu sentiasa berdaya saing, mengambil langkah dengan tangkas, memikul tugas dan sentiasa kreatif dan juga inovatif.

Di Malaysia, kerajaan memainkan peranan penting di banyak peringkat dalam menarik minat masyarakat, terutamanya daripada semua usahawan perniagaan di negara ini untuk melibatkan diri dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Industri ini memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara. PKS telah menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhan mengikut aktiviti ekonomi utama meningkat daripada 32.5 peratus pada 2011 kepada 32.7 peratus pada 2012 (SME Corp. Malaysia. 2013). Menurut penyelidikan dalam laman web rasmi SME Corp, guna tenaga dalam sektor itu meningkat daripada 4,100,952 pada tahun 2009 kepada 4,854,142 pada tahun 2012. Usahawan bukan sahaja memulakan perniagaan baharu, tetapi juga mewujudkan lebih banyak pekerjaan,

yang membawa kepada perkembangan penemuan, teknologi, dan inovasi (Rosli et al., 2007).

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Pandemik COVID-19 diisytiharkan oleh kerajaan berikutan penularannya yang semakin meningkat setiap hari. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kebanyakan rakyat Malaysia terkesan khususnya kepada usahawan yang kehilangan punca pendapatan semasa pandemik COVID-19 (Baharun dan Balwi, 2021). Menurut Rashid dan Hassan (2020), sektor perniagaan kecil merupakan sektor yang terjejas apabila perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan. Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula pada 18 Mac sehingga 28 April 2020 bagi memutuskan rangkaian jangkitan wabak COVID-19 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Berita Harian, 2020). Sektor ekonomi negara lumpuh seketika dan banyak industri dan perniagaan turut menerima kesan apabila perniagaan mereka tidak dapat beroperasi seperti biasa apabila PKP dilaksanakan.

Dalam situasi Pandemik COVID-19, usahawan menghadapi dua impak yang berbeza iaitu terdapat daripada mereka yang mencatat pendapatan yang melonjak tinggi dan ada juga yang semakin merundum. Hal ini demikian kerana sewaktu PKP dilaksanakan pergerakan orang ramai semakin terhad dan pelanggan tidak dapat keluar untuk pergi ke pusat membeli belah. Tambahan lagi, pengumuman perintah kawalan pergerakan PKP yang dilaksanakan mengakibatkan banyak sektor perniagaan kecil terkesan dan terjejas (Rashid dan Hassan, 2020; Fareez, 2020). Pengaruh daripada kesan ini dirasakan dalam sektor industri kecil dan sederhana kerana menyumbang 98.5 peratus daripada jumlah keseluruhan perniagaan yang secara langsung mempengaruhi sektor tersebut (Smita, 2020).

Menurut Yi (2020), terdapat cabaran yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana berbeza mengikut kategori. Hal ini dapat dilihat apabila pengusaha sederhana lebih cepat pulih berbanding dengan golongan pengusaha mikro. Hal ini kerana pengusaha sederhana mempunyai simpanan yang lebih besar berbanding dengan pengusaha mikro. Selain itu, komitmen kewangan dari segi gaji pekerja dan

sewa perlu ditanggung oleh golongan pengusaha mikro yang mempunyai simpanan sedikit jika dibandingkan dengan pengusaha sederhana. Terdapat 37,415 usahawan terpaksa “gulung tikar” sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda negara, jumlah 26,007 adalah daripada usahawan mikro manakala 2,733 adalah daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19 (Bernama, 2021).

Berdasarkan pernyataan masalah tersebut, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai implikasi dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan. Kiosk 1 Borneo Hypermall dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia adalah salah satu tempat tumpuan pengusaha kecil-kecilan iaitu melalui Kiosk. Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan bagi melihat perbandingan implikasi dan cabaran usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan pernyataan masalah diatas, beberapa persoalan mengenai penyelidikan ini dirumuskan seperti yang berikut:

1. Apakah implikasi usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19?
2. Sejauh manakah cabaran usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19?
3. Bagaimanakah langkah dan strategi yang dilakukan oleh usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19?

#### **1.5 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Penyelidikan ini adalah bermatlamatkan untuk menilai implikasi dan cabaran usahawan kiosk 1 Borneo Hypermall semasa pandemik COVID-19. Oleh itu, beberapa objektif telah ditetapkan bagi menjawab segala permasalahan dan persoalan kajian. Antaranya: